

Kebakaran

_____, aku terdengar bunyi pelik di luar rumah lalu segera keluar untuk melihat apa yang sedang berlaku. Di luar rumah, aku melihat asap berkepul-kepul di udara. Rupa-rupanya rumah _____.

Aku segera pergi memberitahu ibu dan bapaku. Tanpa berlengah, bapaku _____ penduduk kampung. Manakala, abangku pula segera menelefon pihak bomba. Ramai penduduk kampung yang datang membantu. Mereka bertungkus-lumus cuba memadamkan kebakaran tersebut namun api terus marak. Kira-kira 20 minit kemudian, barulah _____. Setengah jam berikutnya, api yang marak itu berjaya dipadamkan tetapi malangnya rumah Pak Abu telah pun musnah sama sekali.

Menurut pihak bomba, kebakaran itu berpunca _____. Ini kerana, kebakaran tersebut bermula dari dapur dan didapati tong gas di situ _____ dan menyebabkan kebakaran. Pak Abu bersyukur kerana tiada kemalangan jiwa berlaku dan tiada ahli keluarganya yang _____. Namun, kerugian _____.

Selepas api berjaya dipadamkan, Pak Abu mengucapkan _____ yang datang menolong memadamkan kebakaran rumahnya. Memandangkan Pak Abu adalah jiran terdekat kami, ibu bapaku mengajak Pak Abu sekeluarga _____ untuk sementara waktu.

bomba sampai ke tempat kejadian	mengalami kecederaan dalam kejadian tersebut
Pak Abu telah terbakar dan sedang dijilat api.	telah meletup.
dianggarkan lebih daripada RM300,000.	terima kasih kepada semua pihak
menumpang di rumah kami	Pada hujung minggu yang lalu
daripada kebocoran dapur gas	terus pergi meminta pertolongan

Disediakan oleh : Cikgu Mohd Azizi bin Wahaid (Sk Masai)